

NO. SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]

TARIKH : 17 MAC 2015

RUJUKAN : 7517

SOALAN:

Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

(a) sejauh manakah Kerajaan memandang serius atas gerakan Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM) dan sejauh manakah kumpulan ini mampu menjejaskan keselamatan negara; dan

(b) apakah hasil siasatan setelah beberapa individu yang terlibat dengan gerakan SSKM ini dan apakah tindakan yang diambil.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kerajaan memandang serius berhubung isu gerakan menghasut untuk mengeluarkan Sabah dan Sarawak daripada Persekutuan Malaysia. Tindakan ini adalah bertentangan dengan Perkara 7 Perjanjian Malaysia 1963 yang mana menyatakan tiada mana-mana negeri di dalam Persekutuan Malaysia mempunyai hak untuk keluar daripada Persekutuan. Sekiranya gerakan menghasut ini tidak dibendung, ianya mampu untuk mengganggu gugat keutuhan keharmonian yang telah dikecapi selama ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Konsep Keselamatan Negara, salah satu elemen pembentukan sesebuah negara adalah dari segi 'keutuhan wilayah dan persempadanan'. Justeru, isu pemisahan Sabah dan Sarawak daripada Malaysia ini adalah merupakan satu isu yang menyentuh soal persempadanan dan secara tidak langsung gerakan ini boleh diklasifikasikan sebagai sesuatu yang boleh mengancam keselamatan negara.